

yang T negara diberi amaran su OR, mengekalkan kejayaan cemer-  
nat Kejohanan Silat Kebangsaan  
an / Dickson, bermula pagi ini jika  
19 mahu tersingkir daripada skuad  
ibuan SEA '88.

padesilat terbaik di kejohanan itu  
daan membawa cabaran negara ke  
kejohanan Undangan Singapura  
ada 25 Ogos ini, selain persediaan  
menghadapi Sukan SEA tahun depan.

Seramai 270 pesilat daripada 11 ne-  
geri dan tiga pertubuhan silat iaitu  
Gayong Malaysia, Lincah dan Gayong  
Fatani menyertai kejohanan yang  
akan dirasmikan oleh Yang Dipre-  
tuan Besar Negeri Sembilan, pagi ini.

Setakat ini, keupayaan Pesilat Ter-  
baik Dunia, Wan Aminuddin Baki Abu  
Bakar sukar diramal setelah gagal  
mengikuti latihan pusat fasa pertama  
bulan lalu. **PENAK FILAT**

Pengurus silat kebangsaan, Haji  
Shafie Abdul Rahman, berkata pesilat  
kebangsaan perlu mengekalkan imej  
masing-masing menghadapi saingan  
sengit kali ini.

Kegagalan boleh menjasaskan imej  
skuad Sukan SEA kerana keperca-  
yaan mengutip pingat bergantung ke-  
pada mereka.

Bagaimanapun, kesungguhan se-  
tiap pasukan tidak boleh dipandang  
mudah oleh setiap pesilat negara.

Kejohanan tahun ini adalah paling  
besar dalam sejarah, sejak tiga kali  
diadakan, kerana setiap negeri akan  
turut serta.

"Saya tidak nafikan kemungkinan  
ada pesilat negara gugur di kejoha-  
nan ini," kata beliau.

Haji Shafie memberitahu, juara dan  
naib juara baru kejohanan akan dipilih  
menganggotai skuad negara.

Latihan pusat kedua akan diadakan  
di Kuala Terengganu pada 15-22 Ogos  
sebelum berlepas ke Singapura.

Katanya, cabaran di Singapura he-  
bat kerana kebanyakkan pesilat di Ke-  
johanan Sedunia tahun lalu terbabit.

Malaysia berupaya mengukur se-  
jauh mana keupayaan setiap pesilat  
menjelang Sukan SEA nanti.

Difahamkan, Singapura mengun-  
dang 19 negara iaitu Austria, Belanda,  
Belgium, Britain, Denmark, Jerman  
Barat, Ferancis, Sepanyol, Switzer-  
land, Yugoslavia, Amerika Syarikat,  
Turki, Surinam, Australia, Brunei Da-  
russalam, Malaysia, Indonesia dan  
Thailand.

SILAT KEBANGSAAN/ Amaran

# Peserta negara diminta tingkatkan 29 JUL 1988 keupayaan

B. Harian (M)

Oleh MOHD RAHIME YUSOF



■ WAN AMINUDDIN BAKI

## KEJUARAAN SILAT KEBANGSAAN Ahmad Wardi, Razak Ismail berjindak seperti harimau

30 JUL 1988  
Oleh MOHD RAHIME YUSOF

DUA pesilat negara, Ahmad Wardi Salim dan Razak Ismail, bertindak bagai 'harimau liar' untuk kepu-  
singan kedua, menumpaskan lawan masing-masing di  
Kejohanan Silat Kebangsaan di Dewan Tan Sri Sani,  
Port Dickson semalam. **PENAK FILAT**

Wardi yang mewakili Melaka menggunakan kema-  
tangan peringkat antarabangsa untuk menyingkir pen-  
cabar Kelas B, Roslan Mustapha dari Kedah.

Razak pula yang berasal dari Terengganu, juga mu-  
dah mengatasi pencabar dari Wilayah Persekutuan,  
Ahmad Tarmizi Yaacob dalam Kelas E.

Kedua-dua pesilat negara itu ternyata terlalu man-  
tap ketika melancarkan serangan ke atas lawan ma-  
sing-masing.

Wardi, pemenang pingat emas Silat Sedunia, walaupun diasak pada pusingan pertama, menguasai dua pu-  
singan terakhir.

Bagaimanapun, Razak yang memenangi pingat pe-  
rak Silat Sedunia tidak memberi ruang kepada lawan  
dengan melepaskan tendangan bertubi-tubi kiri dan ka-  
nan lawan.

Pesilat bukan Melayu tunggal Kelas G, M Rajaratnam  
dari Johor, turut mara ke pusingan kedua menga-  
lahkan Abdul Razak Saad dari Kedah.

Dia diramal meneruskan kemaraan ke pusingan  
akhir dan berupaya mencabar pesilat terbaik dunia,  
Wan Aminuddin Baki, selepas Mazlan Shaari dari Ga-  
yong Patani menarik diri.

Rajaratnam menunjukkan persembahan menarik  
hingga mendapat sorakan gemuruh daripada kira-kira  
500 penonton yang menyaksikan perlawanannya.

Sementara itu, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, ketika merasmikan kejuaraan ini, bertitah sukan  
silat dapat mendidik disiplin belia yang menghadapi  
masalah moral.

Baginda berharap, sukan ini dapat diletakkan ke  
tempat sewajarnya setanding dengan sukan lain seper-  
ti sepaktakraw dan bolasepak.

Keputusan (pusingan pertama):

Kelas A: Anuar Dahari (Lincah) mn Kamsan Dollah (Joh).

Kelas B: Ahmad Wardi Salim (Mel) mn Roslan Mustapha (Ked).

Kelas C: Rozaidi Ismail (Sel) mn Mohd Alias Md Nor (Ter); Dawud Adli Yusof (Kel) mn Johari Jantan (Lin-  
cah).

Kelas D: Fauzi Lazim (Per) mn Jalaluddin Abdullah Sani (NS); Shahari Sulaiman (Joh) mn Abdul Latif Yahya (Mel).

Kelas E: Zulkifli Shafie (Kel) mn Abdullah Ali (Ked); Razak Ismail (Ter) mn Ahmad Tarmizi Yaacob (WP).  
Kelas F: Mohd Tarmizi Kassim (WP) mn Shamsuddin Omar (Ter), Zaian Zainuddin (Mel) mn Muhammad Adam (Lincah).

Kelas G: M Rajaratnam (Joh) mn Abdul Razak Saad (Ked).

Kelas H: Ahmad Zailan Jamidi (Sel) mn Haji Che Mohd Tahir Long (Ter).

Kelas I: Mohamad Shuhairi (Ter) mn Mazlan Idris (NS).

Bebas: Mohamad Ramzi Saad (Ked) mn Zulkarnain Majid (Joh).